

Kaji balik had muatan

KUALA LUMPUR - Kerajaan akan mempertimbangkan untuk mengkaji semula penguatkuasaan had bilangan penumpang kenderaan persendirian. Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Ab Aziz Kaprawi berkata, ini bagi mengelakkan jumlah penumpang yang melebihi had sekaligus menjamin tahap keselamatan di jalan raya.

“Bilangan penumpang yang bertambah sebenarnya meningkatkan risiko. Sebab itu kerajaan mungkin akan lihat semula aspek ini untuk memastikan had muatan dipatuhi.

“Kalau kenderaan komersial kita ada had muatan, tapi kenderaan persendirian setakat ini kita belum kuatkuasakan bilangan penumpang. Saya rasa sudah sampai masanya Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) melihat had penumpang ini supaya keselamatan lebih terjamin,” katanya kepada pemberita selepas majlis berbuka puasa bersama media, di sini, semalam.

Mengulas mengenai kemalangan ngeri yang meragut lapan nyawa di Jempol, baru-baru ini, Ab Aziz berkata, tindakan serius akan diambil terhadap pemandu dan pemilik lori yang terlibat.

“Saya difahamkan lori tersebut sebagai punca kemalangan. Pasti syarikat pemilik lori berkenaan akan dikenakan tindakan, termasuk pemandunya. “JPJ akan ambil tindakan serius terhadap pemilik lori itu sekiranya tidak memiliki ciri-ciri keselamatan yang ditetapkan,” katanya.

Sementara itu, mengulas kejadian jenayah melibatkan pemandu Uber dan Grab Car, beliau berkata, kerajaan yakin pelaku akan dikenakan tindakan segera.